

## GARIS PANDUAN BAGI UJIAN APTITUD APEL.A

### SEMASA MENJAWAB UJIAN APTITUD APEL.A:

1. Calon APEL diwajibkan menjawab **SEMUA** soalan dalam masa yang ditetapkan dan pemberian markah adalah berdasarkan jawapan yang diberi oleh calon.
2. Peruntukan masa menjawab bagi Ujian Aptitud APEL T4 dan T6 adalah **2 jam** manakala Ujian Aptitud APEL T7 adalah **2 jam 30 minit**. Terdapat sela masa tambahan sebanyak 2 minit pada setiap komponen ujian.
3. Peruntukan masa bagi setiap komponen adalah seperti berikut:

KOMPONEN APEL T4 (OBJEKTIF)	PECAHAN MASA	KESELURUHAN
BAHASA MALAYSIA	25 MINIT	2 JAM
BAHASA INGGERIS	25 MINIT	
MATEMATIK	35 MINIT	
PENGETAHUAN AM & PEMIKIRAN KRITIS	35 MINIT	

KOMPONEN APEL T6 (OBJEKTIF)	PECAHAN MASA	KESELURUHAN
BAHASA MALAYSIA	25 MINIT	2 JAM
BAHASA INGGERIS	25 MINIT	
MATEMATIK	35 MINIT	
PENGETAHUAN AM & PEMIKIRAN KRITIS	35 MINIT	

KOMPONEN APEL T7 (OBJEKTIF & STRUKTUR)	PECAHAN MASA	KESELURUHAN
BAHASA MALAYSIA	20 MINIT	2 JAM 30 MINIT
BAHASA INGGERIS	20 MINIT	
MATEMATIK	55 MINIT	
PENGETAHUAN AM & PEMIKIRAN KRITIS	55 MINIT	

4. Calon dikehendaki mematikan segala peranti peribadi dan penggunaan telefon bimbit adalah **DILARANG**.
5. Pengawasan dalam talian akan dijalankan secara manual menggunakan Aplikasi Webex / *Zoom meeting*.
6. Calon perlu memastikan mikrofon dalam mod senyap dan menghidupkan kamera bagi tujuan pengawasan sepanjang peperiksaan berlangsung.

7. Sebarang pertanyaan kepada pengawas semasa peperiksaan perlu diajukan di ruang sembang (*webex chat*) sahaja.
8. Sekiranya terdapat masalah internet atau komputer, calon harus log masuk semula dengan segera dan tiada tambahan masa diberikan.
9. Setiap calon mesti mengesahkan bahawa dia telah membaca dan memahami secara jelas segala prosedur, syarat dan peraturan peperiksaan secara dalam talian melalui Sistem ODL UTM. (link ODL diberikan melalui emel).
10. Calon dikehendaki menjawab *consent form* di dalam sistem ODL UTM pada **satu (1) hari sebelum** menduduki Ujian. Sekiranya calon tidak menjawab *consent form* maka calon tidak dibenarkan menduduki ujian pada tarikh tersebut.
11. Calon diberi peluang ***off-screen* sebanyak 3 kali sahaja** dengan tempoh maksimum selama 10 minit bagi ketiga-tiga kali *off-screen* tersebut. Sekiranya melebihi 3 kali *off-screen*, pihak PPA UTM boleh memberhentikan proses ujian terhadap calon dengan serta merta dan calon dinasihatkan untuk menduduki ujian pada tarikh lain dengan set soalan yang berbeza.
12. Calon **tidak dibenarkan** menggunakan laman sesawang *search engine* seperti Google untuk mendapatkan jawapan. Sekiranya pihak PPA UTM menyemak dan mendapati jawapan calon adalah *plagiarisme* (perbuatan meniru) **melebihi daripada 30% kesamaan**, maka tiada markah akan diberikan untuk soalan tersebut.
13. Calon juga tidak dibenarkan memakai pelitup muka (mask) sepanjang menduduki Ujian.
14. Calon juga tidak dibenarkan untuk menggunakan *virtual background* di dalam platform (*Webex / Zoom meeting*).
15. Sekiranya pihak PPA UTM tidak mendapat pengesahan dari calon, calon tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan dalam talian.
16. Sebarang masalah teknikal dalam mengemukakan jawapan secara dalam talian perlu dimaklumkan kepada pengawas dengan kadar segera di ruang sembang (*chat*). Sebarang rayuan untuk peperiksaan semula tidak akan dilayan.
17. Perjalanan peperiksaan secara dalam talian akan dirakamkan bagi tujuan jaminan kualiti.
18. Pengawas mempunyai kuasa untuk membatalkan peperiksaan jika mendapati ada sebarang tingkah laku yang meragukan pada calon.